

12 APR 2001

Mahathir-Umno

PEMENANG PEMILIHAN BAHAGIAN DISERU JALANKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata mereka yang dipilih untuk menerajui bahagian Umno hendaklah menjalankan tugas yang diberikan itu dengan sempurna demi kesejahteraan parti.

"Yang dipilih patut menjalankan tugas dengan sempurna dan mereka yang kalah sepatutnya memberi sokongan kepada yang menang," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan bahan tampalan gigi "Silverfil" keluaran syarikat Dunia Perwira Sdn Bhd, di Taman Teknologi Malaysia.

Sehingga kini sebanyak 24 bahagian Umno telah mengadakan pemilihan peringkat bahagian yang bermula awal bulan ini, dan lima muka baru dipilih menerajui bahagian masing-masing.

Ketika ditanya mengenai pemilihan ketua-ketua bahagian baru itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata terpulanglah kepada anggota Umno untuk menentukan siapa yang mereka hendak memilih.

Mengenai dakwaan penggunaan wang dalam pemilihan peringkat bahagian parti, beliau berkata pucuk pimpinan Umno akan mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang terlibat dalam gejala itu.

"Kalau ada bukti kita akan ambil tindakan. Tapi semua orang cerita berkenaan penggunaan wang dan bila kita cari bukti tak dapat... kita tidak boleh ambil tindakan atas asas tuduhan sahaja tanpa bukti," katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz semalam yang menyarankan supaya sistem kuota dalam pencalonan pertandingan semua peringkat Umno kecuali jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dimansuhkan, Dr Mahathir berkata keputusan untuk mengadakan sistem itu dibuat oleh parti, bukan oleh pucuk pimpinan sahaja.

"Bukan saya yang buat keputusan, Majlis Tertinggi (MT) membuat keputusan... dia (Rafidah) ada dalam Majlis Tertinggi, dia boleh membawa perkara ini ke Majlis Tertinggi," katanya.

-- BERNAMA

SR AHH NMO